

# Lepas 2 Disember mereka yg belum berdaftar dilarang aktif dlm seni silat

11 OCT 1974

sebulan setengah dan mereka mempunyai tempoh kira-kira sebulan setengah lagi untuk mendaftarkan diri."

Selepas tarikh 2 Disember ini, katanya, semua pertubuhan silat, guru dan pelatih yang tidak mendaftarkan diri akan diharamkan menceburkan diri dalam seni itu.

Bagaimanapun, mereka yang telah membuat permohonan sebelum tarikh itu akan dibenarkan bergerak sekalipun mereka belum menerima surat rasmi dari unit itu samada permohonan mereka itu berjaya atau tidak.

Andainya permohonan mereka itu gagal, maka mereka akan diarahkan supaya berhenti dari bergiat dalam seni itu.

Pegawai tadi memberitahu lagi bahawa undang-undang baru ini melibatkan juga semua seni seni mempertahankan diri yang dibentuk sebagai salah satu cabang kegiatan pertubuhan-pertubuhan bela dan budaya yang berdaftar.

## **Terpaksa**

Katanya: "Seksi-seksi ini perlu didaftarkan lagi dalam undang-undang seni mempertahankan diri sekalipun pertubuhan budaya yang membentuknya telah pun berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Pertubuhan.

"Pendaftaran seksiseksi ini dilayani sama dengan pertubuhan-pertubuhan seni mempertahankan diri yang lain, yang juga telah berdaftar dalam Akta tersebut.

"Undang-undang seni mempertahankan diri yang baru ini mewajibkan pendaftaran sekali lagi pertubuhan-pertubuhan itu di bawah Akta baru."

Pertubuhan - pertubuhan budaya Melayu yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Pertubuhan, masih boleh menggerakkan kegiatannya dalam seni Silat, Tarian, Drama dan Muzik.

Bagaimanapun, selepas bulan depan, mereka terpaksa membekukan kegiatan silat mereka andainya permohonan pendaftaran untuk seksi

### ★ Dari Muka 1

silat itu tidak dibuat dalam tempuh ini.

Beberapa buah pertubuhan Melayu di sini, ketika dihubungi, semalam menyatakan mereka belum begitu faham dengan ceraihan-ceraian dalam undang-undang baru ini.

Ada di antaranya merasa musykil samada harus mengambil langkah mendaftaran semula atau menunggu dulu arahan dari pihak pendaftar pertubuhan.

## **Musykil**

Pertubuhan - pertubuhan budaya yang mempunyai seksi Silat Melayu sebagai salah satu cabang kegiatannya juga musykil samada mereka harus mendaftarkan atau tidak nama seksi itu mengikut Akta tersebut.

Seorang pegawai sebuah pertubuhan itu berkata: "Kami menganggap seni silat adalah satu cabang kebudayaan dan musykil sekali samada seksi-seksi silat pertubuhan budaya yang berdaftar perlu mendaftarkan diri.

"Seksi-seksi Silat bergerak untuk memajukan dan mengembangkan seni Melayu bukan semata-mata sebagai perniagaan yang mencari untung seperti yang dilakukan oleh

setengah-setengah badan lain.

"Bagaimanapun, kami akan patuh kalaulah kami memang diwajibkan mendaftarkan diri."

Pegawai unit tersebut pula menyatakan: "Ada baiknya kalau pertubuhan-pertubuhan seni mempertahankan diri menghubungi pihak kami secara terus jika ada kekeliruan.

"Kami bersedia untuk memberikan nasihat dan menerangkan serba serbi tentang penafsiran undang-undang baru itu."

Pegawai itu menambah bahawa badan-badan seni mempertahankan diri yang bergerak semata-mata untuk mencari untung, tidak akan diluluskan pendaftarannya.

Undang-undang baru itu katanya, mensifatkan seni-seni seperti Silat Melayu, Karate, Aikido, Jujiitsu, Kendo, Kung Fu, Taekwon Do atau gabungan seni-seni tersebut ataupun saduran darinya, sebagai seni mempertahankan diri.

Pendaftaran bagi sebuah pertubuhan ialah \$50 manakala pendaftaran untuk instraktor dan pelatih ialah \$100 dan \$5 untuk satu tahun.

Borang-borang permohonan boleh didapati di pejabat yunit itu di Kementerian Halehwal Dalmnegeri, Pearl's Hill.